

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1993/94

Oktober/November 1993

PLG 402 - Sistem Pengajaran Sekolah Rendah

Masa : [3 jam]

Jawab SOALAN 1 dan mana-mana DUA soalan daripada soalan-soalan nombor 2, 3, 4, 5 dan 6.

Semua contoh dalam huraian jawapan hendaklah dipilih daripada topik-topik yang terdapat dalam sukatan pelajaran KBSR sahaja.

SOALAN 1

- [a] Jelaskan maksud penguasaan pembelajaran. Kenapa ia penting dalam pengajaran?
- [b] Huraikan strategi Bloom bagi menjalankan pengajaran yang menitikberatkan penguasaan pembelajaran.
- [c] Apakah yang anda faham tentang analisis tugas/kemahiran (task analysis), objektif akhir/tamatan (terminal objektif) dan objektif pembolehan (enabling objektif).
- [d] Pilih salah satu topik yang terdapat dalam KBSR. Bagi topik yang anda pilih sediakan satu analisis tugas (task analysis) sebagai asas untuk menyediakan pengajaran dalam masa 30 minit.
- [e] Kenapa ujian rujukan kriteria penting untuk penguasaan pembelajaran. Bagaimana anda menyediakan ujian rujukan kriteria secara lisan bagi satu masa pengajaran yang mengambil masa 30 minit.

[40 markah]

....2/-

SOALAN 2

- [a] Huraikan prinsip-prinsip pembelajaran dan rekabentuk pengajaran yang digunakan bagi projek InSPIRE (Instructional System Programmed Instruction for Rural Environment).
- [b] Jelaskan dengan secara ringkas 21 perbezaan di antara pelajaran yang diajar secara tradisional atau konvensional dengan yang diajar dengan menerusi modul.

[30 markah]

SOALAN 3

- [a] Rancang dan sediakan 13 langkah yang diperkenalkan oleh Klausmeier untuk mengajar sesuatu konsep. Pilih konsep yang mudah sebagai contoh untuk menyokong jawapan anda.
- [b] Gunakan langkah-langkah di atas (a) bagi menyediakan 10 hingga 13 frem (frame) untuk menyediakan sebuah modul pembelajaran sendiri yang mengandungi salah satu konsep yang nyata atau wujud bagi sekolah rendah.

[30 markah]

SOALAN 4

- [a] Huraikan kaedah pembelajaran rakan sebaya yang diperkenalkan oleh Peter S. Rosenbaum (1973). Kenapa pendekatan ini perlu diintergrasikan dalam kaedah pengajaran bagi sekolah rendah untuk kelas seperti kelas tahun V dan VI di sekolah rendah.
- [b] Pilih topik yang sesuai untuk pengajaran/pembelajaran rakan sebaya sebagai pengukuhan. Beri langkah-langkah untuk menyediakan pakej pembelajaran rakan sebaya sesuai mengikut tajuk yang anda pilih.

[30 markah]

SOALAN 5

- [a] Senaraikan 10 kesalahan yang selalu terdapat dalam salah satu daripada mata pelajaran yang berikut (Pilih sama ada [i], [ii], atau [iii]).

- [i] Matematik sekolah rendah.
- [ii] Bahasa Malaysia yang diajar di sekolah rendah.
- [iii] Bacaan bagi Bahasa Inggeris.

....3/-

- [b] Berikan satu contoh rancangan bagi menyediakan pengajaran terancang supaya masalah pembelajaran Matematik, Bahasa Malaysia atau pun Bacaan bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris boleh diatasi (Pilih satu sahaja, sama ada Matematik, Bahasa Malaysia atau pun Bacaan Bahasa Inggeris).

[30 markah]

SOALAN 6

- [a] Apakah yang anda faham tentang integrasi sistem pengajaran-pembelajaran?

Huraikan perbezaan-perbezaan yang terdapat di antara Projek InSPIRE dengan Projek PAMONG (Pendidikan Anak oleh Masyarakat Orang Tua dan Guru). Jawapan anda hendaklah juga mengandungi jawapan kepada soalan-soalan berikut :

Apakah Projek PAMONG dan InSPIRE? Mengapakah projek-projek ini perlu diperkenalkan? Bagaimanakah projek ini dijalankan dalam bilik darjah di sekolah dan/atau di luar sekolah?

- [b] Beri 5 sebab kelemahan yang terdapat dalam Projek InSPIRE dan Projek IMPACT (Instructional Management by Parents, Teachers and Community).

[30 markah]

--- ooooo000oooo ---